

18/04/2004

Orang Melayu perlu lebih berani?

Johan Jaaffar

PADA 10 Mac 1996, saya menyiarkan rencana Tun Daim Zainuddin dalam akhbar Mingguan Malaysia. Judulnya, "Orang Melayu Hilang Keberanian." Tulisan itu adalah reaksi pada tulisan Ketua Pengarang New Straits Times ketika itu, Datuk A Kadir Jasin berjudul "Suara Melayu, UMNO dan Kerajaan" yang tersiar dalam akhbar yang sama pada 18 Februari 1996.

Dalam tulisannya, Kadir menghujahkan perlunya "suara yang lain" selain Umno yang seharusnya menjadi suara orang Melayu. Hakikat bahawa "Umno ialah suara Melayu dan suara Melayu adalah suara kerajaan" sebenarnya ada baik dan buruknya. Kadir bertanya, "'siapakah di dalam struktur kuasa yang bercakap bagi pihak orang Melayu mengenai hal-hal pokok seperti bahasa, budaya, pendidikan dan ekonomi? Apakah suara kerajaan yang ramai perwakilan Melayu boleh dianggap sebagai suara orang Melayu?'

Tulis Kadir lagi, memanglah "kepekaan majoriti pemimpin Melayu di dalam kerajaan terhadap hasrat orang Melayu atau isu-isu yang membabitkan orang Melayu tidak boleh dipertikaikan." Tetapi "adalah tidak wajar juga bagi orang Melayu mengharap mereka memperjuangkan hak orang Melayu semata-mata."

Kadir juga menyebutkan bahawa "kita hampir-hampir tidak lagi mendengar pandangan daripada Umno atau suara yang mewakili masyarakat Melayu secara bebas dan berasingan daripada pandangan kerajaan." Kadir berpendapat terdapat "kekaburan garis pemisah di antara apa yang dianggap suara orang Melayu dengan suara Umno dan suara kerajaan."

Tulisan Tun Daim ternyata lebih keras. Antara lain beliau berkata kerajaan harus membenarkan pandangan dan teguran terbuka. Beliau berpendapat akhbar harus memberi ruang untuk perdebatan sebarang dasar kerajaan. Akhbar tidak boleh menghentam mereka yang mempunyai pandangan yang lain dan menolak dari menyiarkan kritikan yang membina. Tanya beliau, "Jadi siapa hendak menyuarakan pandangan Melayu? Semua saluran ditutup. Akhbar-akhbar berjaya sekali membisukan suara orang Melayu. Kalau sayang bangsa kita mesti jadi golongan penyayang."

Tulis beliau lagi, "Kita sekarang menyokong dan menerima semuanya secara membuta tuli. Tidak berani menyoal lagi. Tidak berani bersuara lagi. Takut dituduh anti itu, anti ini. Kita lebih suka tidak diganggu. Asalkan periuk nasi selamat, kita tidak sanggup menyoal apa-apa. Inikah Melayu yang mahu kita bariskan?"

Sudah pastilah tulisan Tun Daim mendapat reaksi yang pelbagai. Hussein Mohamed, Zainuddin Maidin, Rustam Sani, Subky Latif, Mahathir Mohd Khir, A Nazri Abdullah, Kassim Ahmad, M. Noor, Abu Bakar Hamid, Syed Husin Ali dan Jaafar Rahim adalah di antara mereka yang memberi reaksi. Semua reaksi itu telah dikumpulkan dalam sebuah buku Melayu Hilang Keberanian: Satu Polemik yang diselenggarakan oleh Allahyarham A. Karim Abdullah.

Saya tertarik untuk menjengah isu ini semula kerana dua hal. Pertama, Umno hari ini berada pada kedudukan yang jauh lebih kuat dari sebelumnya. Pilihan raya tahun 2004 telah memberikan kejayaan luar biasa pada Umno. Hari ini Umno lebih berhak mendakwa dirinya parti orang Melayu mengambilkira bahawa ia dapat menguasai hampir semua kawasan pengundi orang Melayu.

Kedua, kenyataan yang dibuat oleh Datuk Zaid Ibrahim, Ahli Parlimen Kota Bharu mengenai hasratnya menawarkan diri untuk merebut jawatan Naib Presiden Umno.

Banyak pihak sudah memberikan reaksi pada kenyataan Zaid. Memang Zaid memeranjatkan semua orang. Beliau melawan arus. Selalunya orang yang

menawarkan diri untuk bertanding jawatan Naib Presiden ialah mereka yang pernah menjadi Ahli Majlis Tertinggi dan sudah berada dalam kedudukan yang dianggap "senior" dalam hirarki Umno. Zaid bukan semua itu. Reaksi awal nampaknya negatif. Malah tuduhan bahawa Zaid gila kuasa dan publisiti mula terdengar.

Reaksi sedemikian tentunya dijangka. Ahli Umno rata-rata menunggu "isyarat dari atas" untuk memberikan pandangan mereka. Satu hal yang harus diingat ialah Umno bukan parti kampung dan parti orang kampung saja. Malah pandangan orang kampung hari ini tidak boleh diambil mudah lagi oleh sesiapa. Umno ialah parti yang berpegang pada demokrasi selain mematuhi beberapa amalan dan tradisi.

Umno sudah cukup dewasa untuk menangani "kelainan" pada peringkat ini. Umno parti yang kuat dan parti berkuasa. Tambahan pula Umno telah diberikan mandat besar untuk membuat banyak perubahan pada dasar-dasar kerajaan. Umno tidak mungkin goyah semata-mata kerana seorang atau berdua mahu melanggar tradisi.

Kita perlu melihat semula "pemisahan" yang disebutkan oleh Kadir dan "keberanian yang hilang" yang disebutkan oleh Tun Daim dalam rencana mereka pada 1996 itu. Inilah masanya untuk Umno memikirkan semula cara yang terbaik untuk mewakili kepentingan Melayu tanpa perlu menggunakan struktur kuasa yang ada. Pemikiran ke arah ini sebenarnya bukan drastik tetapi sesuai dengan citra dan suara Umno sendiri.

Tidak ada parti yang lebih demokratis daripada Umno. Tidak ada parti yang lebih jelas menjunjung tradisi demokrasi dari Umno. Tidak ada parti yang lebih kuat bergantung pada amalan demokrasinya untuk survival selain Umno.

Umno tahu harapan orang Melayu. Umno sedar apa yang berlaku pada tahun 1990 dan 1999. Umno berdepan dengan krisis yang serius dalam dua pilihan raya itu. Sebahagiannya kerana orang Melayu menganggap Umno bukan lagi parti yang memperjuangkan kepentingan mereka. Orang Melayu mahu suara mereka berkumandang dalam Umno. Suara yang tidak ditapis-tapis. Tetapi Umno juga kerajaan dan kerajaan harus menjaga kepentingan bangsa lain. Inilah teras perkongsian kuasa yang memperkasa Barisan Nasional (BN) dan memastikan kelangsungan pemerintahan negara selama ini.

Umno menghadapi keadaan yang lebih genting pada 1999. Orang Melayu berbondong-bondong meninggalkan Umno untuk menyokong parti lawan. Isunya bukan kerana Pas kuat atau Keadilan berpengaruh. Mereka menolak Umno. Usaha pemulihan mengambil masa. Orang Melayu yang merajuk sukar dipujuk.

Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) menjadi lambang baru parti. Orang Melayu melihat Pak Lah sebagai harapan baru mereka. Mereka percaya pada Pak Lah. Orang Melayu meyakini kejujurannya. Orang Melayu mengharapkan Pak Lah akan turut memberi perhatian pada isu-isu Melayu selain tentunya menjaga kepentingan kaum lain.

Mereka memberikan mandat terbesar pada Pak Lah dalam pilihan raya yang baru lalu. Malah di "lubuk Melayu" yang selama ini dikhuatiri akan memberikan sokongan pada parti lawan, ternyata dapat ditawan. Pak Lah telah berjaya menawan hati orang Melayu semula. "Gelombang Hijau" yang dikhuatiri akan menumbangkan sebuah lagi kerajaan negeri rupanya tidak berlaku. Malah Terengganu kembali ke tangan Umno. Kelantan pula nyaris dapat dikuasai.

Lebih penting lagi, orang Melayu menghantar mesej yang jelas. "Kami sokong Pak Lah." UMNO menang 108 dari 117 kerusi Parlimen dan 300 dari 337 kerusi Dewan Undangan Negeri yang ditandinginya. Di kawasan yang membabitkan Felda, Umno menguasai 55 dari 56 kerusi Parlimen dan 90 dari 92 Dewan Undangan Negeri.

Semua ini menunjukkan bahawa orang Melayu menaruh keyakinan bahawa "agenda Melayu" tidak akan dilupakan oleh Pak Lah. Kalaupun negara

mengejar kemajuan dan perubahan sesuai dengan keadaan dan kecanggihan semasa, orang Melayu masih memerlukan perhatian, bantuan dan perlindungan. Inilah realiti yang harus dihadapi oleh pimpinan Pak Lah.

Maka itu wajarlah "suara Melayu" diwakili "di luar" kerangka kuasa yang ada dalam Umno. Mungkin Zaid bukan orangnya. Dan jawatan yang diperlukan bukan Naib Presiden Umno. Tetapi apa yang lebih penting ialah Umno harus memikirkan secara serius isu "pemisahan kuasa" ini sewaktu parti itu berada dalam kedudukan yang kuat.

* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Bhd.